

24 AUG 1997

Kelantan-bina badan

NIK AZIZ SETUJU LANGKAH SARAWAK HARAMKAN BINA BADAN

KOTA BAHARU, 24 Ogos (Bernama) -- Kelantan bersetuju dengan langkah Jabatan Agama Islam Sarawak (Jais) melarang lelaki Islam daripada menyertai pertandingan bina badan di negeri itu, bagi mengelakkan mereka mendedahkan aurat di khalayak ramai.

"Kita di Kelantan dan Sarawak sama sahaja, buka aurat lelaki atau perempuan memang dilarang," kata Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat di sini hari ini.

Menurutnya, kenyataan itu bukan bermakna beliau menentang pertandingan bina badan tetapi ia boleh diadakan sekiranya para peserta menutup aurat seperti memakai seluar dan bukannya seperti sekarang.

"Bina badan yang tidak mencabul kehormatan agama Islam tidak apa, tetapi mungkin di Sarawak sampai nak berbogel, hanya 0.1 peratus (pakaian) yang tinggal, itu mendewa-dewakan tubuh dan tak boleh," katanya.

Jais sebelum ini menghantar surat kepada Persatuan Bina Badan Sarawak melarang penyertaan lelaki Islam dalam pertandingan bina badan dan mereka yang melanggar arahan itu boleh diklasifikasikan sebagai "berkelakuan tidak senonoh" yang boleh membawa hukuman denda dan penjara, mengikut Ordinans Kesalahan Jenayah Syariah.

Ditanya mengenai saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diadakan reformasi bagi membolehkan umat Islam kembali kepada pemikiran dan nilai-nilai hidup sebenar Islam, Nik Aziz berkata Pas telah lama melaksanakannya menerusi perjuangan parti itu di negara ini.

"Pas yang buat reformasi Islam sebab pemikiran Islam di Malaysia masih dikongkong pemikiran Eropah yang mengatakan politik lain, agama lain, dan kita buat reformasi Islam itu secara jelas dan terang," katanya. -- BERNAMA

RAR AHH